

Headline	77 pencawang elektrik kalis banjir		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	L-43
ArticleSize	473 cm ²	Journalist	Mohd Rafi Mamat
PR Value	RM 52,206		



77 pencawang elektrik kalis banjir

■ TNB sedia RM7.7 juta naik taraf pengagih bahan tenaga

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@mediaprima.com.my
Kuantan

Tenaga Nasional Berhad (TNB) negeri akan menaik taraf 77 pencawang yang menelan belanja RM7.7 juta bagi memastikan punca bekalan kuasa itu tidak terus ditenggelami banjir hingga menyebabkan bekalan elektrik terputus seperti berlaku baru-baru ini. Projek berkenaan akan dilakukan secara berperingkat dengan keutamaan diberikan di daerah ini, selain

Pekan dan Temerloh yang terjejas teruk dalam kejadian banjir besar hingga memaksa bekalan elektrik diputuskan dalam tempoh panjang di beberapa penempatan.

Pengurus Besarnya, Datuk Sharuddin Mohd Simin berkata, pihaknya menyediakan peruntukan yang besar

bagi memastikan perkhidmatan diberikan kepada pengguna adalah terbaik dan memuaskan setiap hari dalam apa juga keadaan.

Menurutnya, lokasi pen-

cawang yang terletak di kawasan rendah antara punca ia ditenggelami banjir dan kejadian banjir besar hingga menenggelamkan sebahagian daerah ini turut menjadi faktor bekalan elektrik terpaksa diputuskan.

Katanya, TNB terpaksa bertindak memutuskan bekalan elektrik di beberapa kawasan perumahan termasuk bandar bagi mengelak berlaku sebarang kejadian tidak diingini.

"Kami tahu pengguna kecewa apabila bekalan elektrik diputuskan hingga menimbulkan masalah kepada mereka, namun saya ingin

menegaskan hanya tindakan berkenaan saja dapat mengelak kejadian tidak diingini seperti litar pintas.

"Di beberapa kawasan, kami menyediakan 40 unit jana kuasa bergerak," katanya selepas mengiringi Timbalan Menteri Tenaga, Datuk Seri Mahdzir Khalid melawat mangsa banjir di Kampung Temai, kelmarin.

Pada program sebelum itu, Mahdzir menyerahkan bantuan RM250,000 kepada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaacob bagi mengisi Tabung Bencana Banjir Pahang.